

Hasil reformasi dipulang semula kepada rakyat

Tekad politik jimatkan dana negara sekitar RM15.5 bilion setahun menerusi penyasaran subsidi

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam membentangkan Belanjawan 2026 yang memberi tumpuan untuk memulangkan semula hasil reformasi dilaksanakan Kerajaan MADANI kepada rakyat.


Belanjawan MADANI Keempat yang juga pelan perbelanjaan pertama kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) mengangkat tema 'Belanjawan Rakyat' memperuntukkan sebanyak RM470 bilion dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM338.2 bilion, perbelanjaan pembangunan RM81 bilion, pelaburan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) sebanyak RM30 bilion dan pelaburan awam-swasta RM10 bilion.

Menjelaskan tumpuan belanjawan tahun depan, Perdana Menteri berkata, menghampiri tiga tahun pentadbiran MADANI, reformasi serta pembaharuan yang berani dan tuntas dilaksanakan mula menghasilkan anjakan membanggakan, terutama siling pertumbuhan negara dan lantai kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, soal tatakelola sering ditekankan kerajaan kerana undang-undang seperti Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dan pindaan Akta Audit membantu meningkatkan keyakinan pelabur.

Katanya, ini membolehkan Indeks Daya Saing Negara naik hingga 11 anak tangga, mengukuh nilai ringgit dan akhirnya lebih penting ialah, menjana pekerjaan baharu untuk rakyat dan menurunkan kadar pengangguran kepada tiga peratus, terendah dalam tempoh sedekad.

"Mengapa ditumpukan penguatkuasaan? Kerana rasuah, penyelewengan dan ketirisan merugikan negara. Penguatkuasaan tanpa pilih kasih dapat mengembalikan hasil negara yang hilang berbilion ringgit, dan ini dapat membiayai dan menyegerakan pelaksanaan projek seperti Rancangan Tebatan Banjir dan Pan Borneo Sabah.



Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2026 di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Mengapa kerajaan bersusah-payah menyasarkan subsidi? Kerana subsidi pukal selama ini tiris kepada warga asing dan syarikat besar. Subsidi sepatutnya hak dan keistimewaan yang mesti dinikmati rakyat Malaysia. Disebabkan penjimatan subsidi diesel, kita dapat meringankan hidup rakyat melalui ikhtiar seperti SARA untuk Semua diluncurkan Ogos lalu.

"Seyogianya, mengangkat tema Belanjawan MADANI Keempat: Belanjawan Rakyat—setelah berani mengusung reformasi, kini masa memulangkan hasil kepada rakyat," katanya di Dewan Rakyat.

Menerangkan impak reformasi kepada rakyat, Anwar berkata sejak di bawah MADANI, badan-badan penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berjaya memperoleh hasil rampasan dan kutipan penalti hampir RM15.5 bilion.

Beliau berkata, tekad politik yang jitu oleh Kerajaan MADANI pula berjaya menjimatkan dana negara sekitar RM15.5 bilion setahun menerusi penyasaran subsidi ayam, telur, elektrik dan diesel selain RM2.5 menerusi RON95.

"Setiap penjimatan bermakna lebih banyak dana untuk kebajikan, lebih banyak peruntukan untuk kos sara hidup, dan lebih banyak pelaburan prasarana ra-



kyat yang berkualiti," katanya.

Perdana Menteri mengumumkan bantuan tunai rakyat ditambah kerana kerajaan mengakui bahawa kos sara hidup terus meningkat dan membebani.

SARA RM100 setiap bulan

Berikutan itu, beliau mengumumkan bermula tahun depan, semua sembilan juta penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) turut menerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sehingga RM100 setiap bulan atau RM1,200 setahun, manakala sejuta penerima STR di bawah eKasih menerima SARA sehingga RM200 sebulan atau RM2,400 setahun.

Anwar turut mengumumkan berita gembira apabila kerajaan sekali lagi memutuskan memberi SARA RM100 kepada 22 juta rakyat Malaysia 18 tahun ke atas pada pertengahan Februari tahun depan untuk persiapan Ramadan dan Tahun Baru Cina.

Mengambil semangat Perjanjian Malaysia 1963, Sabah dan Sarawak menerima peruntukan tertinggi Persekutuan. Peruntukan pembangunan Sabah meningkat kepada RM6.9 bilion, manakala Sarawak bertambah kepada RM6 bilion.

Belanjawan 2026 turut mengambil kira keperluan pembangunan negeri seperti yang disuarakan oleh pemimpin negeri dalam RMK13, dengan beberapa projek berimpak tinggi untuk kelesaan rakyat diumumkan.

Seperti lazim, Kementerian Pendidikan mendapat peruntu-

kan terbesar sebanyak RM66.2 bilion tahun depan bagi memastikan sistem pengiluan lebih menyeluruh dan tangkas memenuhi tuntutan masa depan.

Kementerian Kesihatan pula diperuntukkan sebanyak RM46.5 bilion bagi menyelesaikan enam masalah utama termasuklah meningkatkan mutu prasarana kesihatan awam, isu perjawatan tetap dan elaun panggilan untuk doktor.

Bagi menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam, Kementerian Pertahanan diberi peruntukan RM21.7 bilion, manakala Kementerian Dalam Negeri RM21.2 bilion.

Sebagai persediaan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan menggalakkan rakyat melancong dalam negara, kerajaan akan memberikan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000.

Belanjawan 2026 turut mengambil kira kepentingan meningkatkan pertumbuhan industri, perniagaan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Bagi penjawat awam, Perdana Menteri mengumumkan bahawa Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 akan mula berkuat kuasa Januari 2026.

Beliau juga mengumumkan Bantuan Khas Kewangan RM500 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak, selain Bantuan Khas Kewangan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan veteran tidak berpencen sebanyak RM250.

"Bantuan ini akan disalurkan pada awal Mac 2026 sempena menyambut Aidilfitri," katanya.